



1086 PENGGUNAAN BAHASA ARAB SEMASA PROSES PDPC DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM BERSEPADU DINI

*Muhammad Haron Husaini, Abdul Manan Yusoh, Adnan Mat Ali, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Ahmad Shafiq Mat Razali, Diyak Ulrahman Mat Saad, Mohd Bakri Aziz dan Jamaliah Rani
muhdharon@kuis.edu.my*

Abstrak

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) atau lebih dikenali dengan Kurikulum Dini dilaksanakan di sekolah-sekolah agama di Malaysia termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat. Kertas kerja ringkas ini bermatlamat menjelaskan tahap penggunaan bahasa Arab semasa proses pembelajaran dan pengaturcaraan (PdPc). Rekabentuk kajian ini menggunakan kajian berbentuk tinjauan dan seramai 354 responen dipilih bagi menjawab soal selidik. Instrumen kajian ini menggunakan pengedaran soal selidik dan di analisis menggunakan perisian SPSS version 22. Kajian mendapati tahap penggunaan bahasa Arab semasa proses PdPc dijalankan secara keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan kedudukan nilai min pada kadar 4.06. Dua item yang meraih kadar min paling tinggi (4.31) atau (91.0%) adalah item penggunaan bahasa Melayu untuk menerangkan konsep yang sukar difahami dan item membuat pembetulan ayat atau sebutan perkataan bahasa Arab murid manakala dua item yang memperoleh nilai min terendah (3.29) atau pada kadar 50.5% sahaja daripada keseluruhan responden ialah item pengakuan bahawa mereka suka mengajar menggunakan bahasa Melayu dan item penafian menggunakan kaedah terjemahan semasa PdPc berlangsung dengan kadar min (3.53) atau 50.7%.

Kata Kunci: Kurikulum Bersepadu Dini, Tahap Penggunaan Bahasa Arab, Proses PdPc, Bahasa Melayu

Pendahuluan

KBD merupakan kurikulum baru yang dibina secara bersama oleh KPM, LEPAI dan Jabatan serta Yayasan Agama berdasarkan Kurikulum Agama-Arab yang dikenali sebagai Kurikulum Dini atau Azhari yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama di Malaysia termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat. Setelah melihat pemintaan yang tinggi dan keperluan penyelarasan bagi tujuan penambahbaikan terhadap kurikulum ini KPM dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dan majoriti Pihak Berkuasa Agama Negeri dan mengambil keputusan untuk mengangkat kurikulum ini sebagai kurikulum kebangsaan.

Untuk pelaksanaan KBD terdapat beberapa punca kuasa yang penting telah diperolehi dari pihak-pihak yang berkaitan, antaranya:

1. Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) KPM dalam mesyuarat Bil. 3/2012 pada 25 Jun 2012 telah bersetuju terhadap cadangan menjadikan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz sebagai Kurikulum Kebangsaan.
2. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-54.



Akhirnya usaha-usaha yang diketuai oleh JAKIM dan LEPAI dengan penyelarasan KPM bagi memartabat dan mengangkat Kurikulum Bersepadu Dini sebagai kurikulum kebangsaan diperkenalkan.

KBD dan Kurikulum Ma‘ahad Bu‘ūth al-Azhar

Ahmad Sabri Noh (2017) menyatakan bahawa Kurikulum Dini adalah kurikulum matapelajaran Dīniyyah yang menjadi identiti penting di Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kurikulum Dīniyyah dikenali juga sebagai Kurikulum Azhari/al-Azhar. Kurikulum ini melibatkan kumpulan mata pelajaran dalam bidang pengajian Islam, bahasa dan kesusasteraan Arab yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan menggunakan buku teks berbahasa Arab. Kurikulum ini secara langsung menggunakan model kurikulum Ma‘ahad Bu‘ūth al-Azhar, Mesir. Mata pelajaran Dīniyyah diajar dalam tempoh pengajaran yang tertentu di samping kurikulum kebangsaan, dengan susunan jadual secara gabungan selang-seli, dilaksanakan di peringkat menengah rendah hingga ke peringkat menengah atas. Kurikulum ini diperakui oleh Jawatankuasa Kurikulum Pendidikan Islam peringkat negeri dan dinilai pengetahuannya melalui peperiksaan pada tahap thanawi dan ‘aliyah (Azizi Umar & Supyan Hussin 2008).

Kurikulum Bu‘ūth al-Azhar merupakan sistem pendidikan yang mempunyai dua elemen yang sangat penting iaitu pendidikan yang bersifat thurasi (pengajian pondok) dan mu‘āsharah (moden) bagi memenuhi keperluan individu muslim sesuai dengan tuntutan semasa dan peredaran zaman. Kurikulum Bu‘ūth al-Azhar ini juga amat sesuai sebagai pendedahan awal bagi pelajar-pelajar yang ingin mendalami ilmu-ilmu agama dan amat sesuai sebagai persediaan awal bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di peringkat Ijazah sama ada di dalam maupun di luar negara (Maimun Aqsa et al. 2014).

Perubahan dalam kurikulum serta penggunaan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran sentiasa berlaku di dalam pendidikan. Ia bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajar di dalam pembelajaran (Sufean Hussin, 2002).

Menurut Azizah Abd Rahman (1982) pula, perubahan dan pembaharuan kurikulum bukan suatu perkara yang asing. Ia seringkali dibincangkan oleh para pendidik di seluruh dunia. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan sesuatu kurikulum antaranya adalah perkembangan sistem pendidikan sesebuah negara. Justeru, kurikulum harus diperbaharui dan diubah seiring dengan perkembangan dan kemajuan sistem pendidikan sesebuah negara. Hal ini disebabkan oleh peranan kurikulum yang menjadi medium untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan yang dihasratkan.

Dalam konteks Kurikulum al-Azhar, Rabeh Abdullah (2000) menyatakan bahawa mana-mana sekolah di seluruh dunia yang ingin mendapatkan pengiktirafan daripada Universiti al-Azhar harus menerima sukatan yang diambil sepenuhnya dari al-Azhar. Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan, Malaysia melalui Kementerian Pendidikan telah menjalankan kerjasama dengan pihak Universiti al-Azhar untuk mewujudkan satu sijil yang diiktiraf oleh kedua-dua pihak. Kurikulum ini telah diselaraskan di



sekolah-sekolah agama negeri dan sekolah agama swasta di bawah satu sijil yang dinamakan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Pelaksanaan kurikulum al-Azhar sedikit sebanyak memberi cabaran kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat (Rabeh Abdullah, 2000). Kajian terhadap 40 orang guru Yayasan Islam Kelantan mendapat 55% daripada mereka tidak memahami sepenuhnya kurikulum yang diajar. Hal ini kerana, mereka yang diberi amanah untuk mengajar mata pelajaran kurikulum al-Azhar tidak didedahkan dengan sukanan tersebut. Perkara tersebut secara tidak langsung menimbulkan kesukaran kepada mereka untuk memahami isi kandungan sukanan dan buku teks yang digunakan di sekolah (Mansor Daud & Kamarudin Kamel, 2003).

Selain daripada itu, terdapat sesetengah pihak yang beranggapan bahawa guru-guru yang mengajar di Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Agama Swasta tidak terlatih. Hal ini kerana sebahagian besar daripada kalangan mereka tidak mendapat latihan yang berterusan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (Ab. Halim Tamuri, 2010). Zainora Daud et. al. (2012) pula mendapat pengetahuan pedagogi yang dimiliki oleh guru khususnya berhubung dengan cara penyampaian mereka dalam kurikulum al-Azhar berada pada tahap yang lemah.

Sumber kewangan yang kurang mencukupi juga merupakan salah satu faktor Sekolah Menengah Agama Negeri dan juga Sekolah Menengah Agama Rakyat tidak dapat menyediakan latihan yang berterusan kepada guru-guru mereka. Latihan tersebut merangkumi aspek kursus perguruan, seminar, bengkel dan sebagainya. Ekoran daripada permasalahan tersebut, guru-guru terpaksa melaksanakan amalan pengajaran berdasarkan pengalaman mereka sebelum ini (Mansor Daud & Kamarudin Kamel, 2003).

Menurut Ab. Halim Tamuri (2010), beliau tidak menafikan pencapaian Sekolah Menengah Agama Negeri dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) berada pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang di dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sudah pasti akan bertambah sekiranya mereka dididik oleh guru yang berkualiti dan terlatih. Justeru, faktor latihan guru sememangnya memberi kesan yang besar terhadap pencapaian pelajar.

Dalam konteks pengajaran pula, Rosni Samah (2012) mendapat Kurikulum al-Azhar di sekolah-sekolah agama banyak terpengaruh dengan pengajaran bersistem pondok iaitu pembelajaran berpusatkan guru. Kaedah ini kebiasaannya digunakan pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran sehingga tamat. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah ini, guru menjadi watak yang paling penting manakala pelajar-pelajar tidak diberi peluang untuk menonjolkan diri mereka. Hal ini menyebabkan pelajar menjadi pasif dan sekadar mendengar apa yang diterangkan oleh guru.

Dari sudut kaedah pengajaran pula, kaedah terjemahan merupakan kaedah yang sangat popular. Kajian Razali Mustaffar (2003) mendapat penggunaan kaedah tersebut masih meluas dan berada pada tahap yang tinggi. Rosni Samah (2009) juga mendapat pengajaran di sekolah agama lebih tertumpu kepada kaedah terjemahan kerana subjek yang diajar dalam Bahasa Arab. Justeru, guru-guru mengambil jalan mudah untuk memberi kefahaman kepada pelajar dengan menterjemah satu-persatu.



Menurut Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman (1999), kaedah tersebut boleh membantutkan kefahaman makna dalam sesuatu kandungan pelajaran. Penggunaan kaedah terjemahan pada dasarnya sangat penting untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah tersebut secara berleluasa telah menyebabkan tahap penguasaan pelajar berada pada tahap yang rendah (Razali Mustaffar, 2003). Robert Lado (1988) menyatakan bahawa kelemahan kaedah terjemahan berpunca daripada latihan menterjemah yang diamalkan di dalam bilik darjah telah disalah ertikan apabila ia menganggap sama seperti kefahaman, bertutur, membaca dan menulis.

Dari sudut penggunaan bahan bantu mengajar pula, kajian Maimun Aqsha et. al., (2014) dan Zainora Daud et. al, (2012) mendapati tahap penggunaan bahan bantu mengajar guru-guru kurikulum al-Azhar adalah rendah. Penggunaan bahan berorientasikan ICT pula tidak menjadi pilihan guru-guru semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (Maimun Aqsha et. al. (2014) dan Rosni Samah (2009).

Selain daripada itu, penggunaan buku teks dan nota-nota juga menjadi sumber utama guru berbanding sumber bahan yang lain (Maimun Aqsha et. al., 2014). Guru-guru tidak mendedahkan kepada pelajar sumber-sumber bahan yang dapat diperoleh daripada internet yang merupakan sumber utama bagi mendapatkan bahan-bahan bacaan (Rosni Samah, 2009). Kesan daripada amalan tersebut, pelajar-pelajar yang terlibat lebih banyak bergantung kepada bahan yang digunakan oleh guru sahaja (Mansor Daud & Kamarudin Kamel, 2003).

Sehingga kini terdapat beberapa kajian sahaja yang menjurus kepada penilaian tahap kebolehbacaan buku teks mata pelajaran aliran agama dijalankan di Malaysia. Antaranya ialah kajian Zulazhan (2012) dan Kamarulzaman (2010). Kedua-dua kajian tersebut menggunakan skor kaji selidik persepsi pelajar dan guru terhadap buku teks tertentu dan juga menggunakan skor ujian kloz. Walau bagaimanapun, Hamilton dan Shinn (2003) dan Sperling (2006) menyatakan bahawa penentuan tahap kebolehbacaan yang ditentukan berdasarkan persepsi individu adalah lebih bersifat subjektif dan akan memberikan indikator tahap kebolehbacaan yang kurang tepat (Fry 2002).

Perkara tersebut cuba diatasi oleh Ahmad Sabri Noh (2017) menerusi kajian beliau yang menjurus kepada ciri-ciri linguistic yang menjadi penyumbang utama kepada kebolehbacaan teks. Ciri-ciri linguistik tersebut menjadi asas kepada kaedah pengukuran tahap kebolehbacaan teks dalam konteks yang berbeza.

Dari sudut penggunaan bahasa pula, sebahagian besar guru-guru tidak menggunakan Bahasa Arab secara dominan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kamarulzaman et. al, (2014) mendapati guru-guru yang mengajar matapelajaran Fekah kurikulum al-Azhar kurang menumpukan aspek bahasa dalam pengajaran. Hal ini bermaksud penyampaian guru lebih kepada kandungan dan bersifat sehala. Mohamad Syukri et. al, (2010) mendedahkan bahawa kaedah mengajar kemahiran mendengar dan menulis berada pada tahap yang rendah. Kajian Azhar Muhammad (2006) juga mendapati penggunaan Bahasa Arab semasa mengajar berada pada tahap kurang memuaskan. Mansor Daud & Kamarudin Kamel (2003) pula mendapati 75% guru menggunakan bahasa Melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum al-Azhar di dalam kelas.



Amalan pengajaran yang digunakan oleh guru telah memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan pembelajaran pelajar. Rosni Samah (2012) menyatakan bahawa pelajar-pelajar menjadi tidak aktif khususnya semasa menyuarakan pendapat dan memberikan pandangan disebabkan oleh kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Mereka sekadar menerima dan bergantung sepenuhnya kepada amalan pengajaran guru. Kesan daripada amalan ini juga telah menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan dalam memahami pelajaran yang dipelajari secara kendiri. Kesan buruk yang diperoleh adalah kurangnya kemahiran berkomunikasi dan keterampilan diri.

Perkara ini juga adalah selari dengan hasil dapatan yang diperoleh oleh Islam Husin et. al (2013) yang mendapati kebanyakan pelajar tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Hal ini berpunca daripada kebimbangan mereka melakukan kesalahan semasa berkomunikasi dalam bahasa Arab. Mereka bimbang akan disindir oleh rakan-rakan dan bimbang akan dihukum oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian juga mendapati 97.5% pelajar menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian mereka (Mansor Daud & Kamarudin Kamel, 2003).

Selain daripada itu, beberapa tanggapan telah timbul berhubung dengan penguasaan bahasa Arab pelajar-pelajar aliran agama. Mereka dikatakan lemah menguasai bahasa Arab dan tidak mampu memahami subjek-subjek dalam bahasa Arab dengan baik secara sendiri. Selain daripada itu, mereka juga tidak mampu untuk menggunakan Bahasa Arab dengan baik dalam berkomunikasi dan dalam penulisan sedangkan mereka telah pun mempelajari Bahasa Arab sejak dari tingkatan 1 di sekolah menengah agama (Rosni Samah, 2007).

Azhar Muhammad (2006) pula mendapati tahap penguasaan bahasa Arab pelajar yang beraliran agama berada pada tahap yang kurang memuaskan. Beliau berpendapat penguasaan pelajar dari segi komunikasi, tatabahasa, penguasaan frasa, penguasaan struktur ayat, penggunaan gaya bahasa dan lain-lain berada pada tahap yang rendah. Perkara ini selari dengan Razali Mustaffar (2003) yang mendapati keupayaan pelajar-pelajar dalam membaca dan memahami teks dalam bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Rosni Samah (2009) pula mendapati penguasaan bahasa pelajar-pelajar tidak mencukupi untuk memahami subjek agama pada hari ini.

Lantaran daripada masalah tersebut, pelajar-pelajar sekadar menghafal untuk menjawab soalan peperiksaan tanpa memahami apa yang dihafal. Kesan daripada amalan tersebut, mereka mampu lulus dalam peperiksaan dengan baik tetapi mereka gagal menggunakan Bahasa Arab walaupun dalam situasi yang sederhana. Mereka juga tidak memahami petikan-petikan di dalam Bahasa Arab dengan baik bahkan gagal untuk menerangkan apa-apa yang terdapat di dalam pemikiran mereka (Rosni Samah, 2009).

Kepentingan KBD

- 1) KBD diwujudkan bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam dan bagi merealisasikan hasrat PPPM.
- 2) Melalui pelaksanaan KBD negara dapat menawarkan kepada warganegara yang memerlukan pendidikan aliran agama kepada anak-anak mereka dan seterusnya mengukuhkan pendidikan



agama di dalam aliran perdana. Ini akan memberikan lebih peluang kepada murid di dalam menentukan laluan kerjaya mereka.

- 3) KBD yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar akan mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta mampu merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab muktabar.
- 4) Kesatuan dalam menghayati manhaj ahli sunnah wal jamaah dan menjadi norma rujukan contoh, model sahsiah yang unggul
- 5) Murid yang dilahirkan berpotensi memenuhi keperluan modal insan yang mampu menyumbang dalam kemajuan ekonomi negara dalam pelbagai sektor.

Kepentingan KBD kepada Murid

- 1) KBD berperanan mempertingkat keupayaan murid berdasarkan aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu memastikan murid-murid menguasai pengetahuan, Kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional.
- 2) Aspek pengetahuan kurikulum ini akan mengembangkan potensi dan keupayaan murid dalam ilmu agama dan bahasa Arab. Kurikulum ini juga dapat mengembangkan Kemahiran berfikir murid melalui pelbagai kaedah, pendekatan dan teknik pembelajaran dan pengajaran dengan menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Dalam konteks Kemahiran memimpin, pendidikan dini akan mendokong dan memperkuuh empat (4) dimensi kepimpinan iaitu kemahiran *entrepreneurship*, berdaya tahan, kecerdasan emosi dan kemahiran komunikasi yang berkesan berasaskan pemahaman dan penghayatan dalil-dalil naqli serta penyantunan kepada sub ilmu dalam pendidikan shariah, usuluddin dan bahasa Arab.

Kurikulum ini yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar mampu memberi kelebihan dan nilai tambah kepada murid dalam penguasaan bahasa selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Kemahiran dwibahasa).

Murid-murid yang mengikuti kurikulum dini berupaya memperkuuh etika dan kerohanian bagi mendepani cabaran masa hadapan. Mereka diharapkan dapat menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip dalam situasi kritikal serta dapat membuat keputusan yang betul dan tepat berdasarkan prinsip Islam sebenar.

Kurikulum dini ini akan mengukuh prinsip Islam sebagai agama persekutuan di samping prinsip pertama rukun negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Kurikulum ini digubal berdasarkan manhaj ahli al-Sunnah wa al-Jamaah dan pandangan muktabar Mazhab Shafie serta ketetapan institusi pihak-pihak berkuasa agama Islam di Malaysia. (Identiti nasional)

Dengan KBD murid akan mengikuti setiap mata pelajaran dalam sistem kurikulum yang selaras sehingga ke peringkat SPM.



Kurikulum dini di SABK akan memenuhi enam ciri utama aspirasi murid dalam PPPM dan berupaya bersaing diperingkat global.

Kepentingan KBD Kepada Guru

Guru Dini ditawarkan skim yang sama seperti guru lain di bawah KPM tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan. Mereka akan menjalani latihan perguruan dan memperoleh peluang pembangunan kerjaya yang menarik berdasarkan prestasi dan kompetensi.

Kepentingan KBD Kepada Sekolah

SABK yang melaksanakan KBD layak menerima bantuan per capita mata pelajaran seperti mata pelajaran kebangsaan yang lain. Di samping itu, sekolah layak menerima Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT).

Prinsip ini selaras dengan aspirasi sistem dalam PPPM yang berkaitan dengan kemampuan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Dengan itu semua SABK yang terlibat akan dapat diperkuuhkan.

Kepentingan KBD Kepada Masyarakat, Bangsa dan Agama

Kurikulum Dini digubal untuk menyediakan bakal ulama dan cendikiawan Islam yang berkaliber dan bertaraf dunia. Untuk itu kurikulum ini berhasrat melahirkan agamawan yang muthaqqaf ke arah mencapai keredhaan Allah.

Kefahaman yang sahih dari kurikulum ini dapat menjadi asas kukuh mempertahankan kesucian agama Islam dari ajaran sesat dan menyeleweng supaya masyarakat dapat menghindar diri dari kumpulan songsang yang sering muncul dalam masyarakat.

Kepentingan KBD Kepada Negara

Menyediakan Negara Malaysia sebagai hub pendidikan agama Islam bertaraf dunia.

Konsep KBD

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) adalah penggabungan Kurikulum Dini/ Azhari yang telah diselaraskan dengan Kurikulum Kebangsaan sedia ada dalam arus perdana. Mata pelajaran KBD menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar.

Struktur KBD

Pelaksanaan KBD mengekalkan mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan sedikit perubahan dari segi peruntukan waktu minimum seminggu (rujuk lampiran).



Keperluan guru untuk pelaksanaan KBD adalah Guru Dini. Guru Dini bertanggungjawab menguruskan tiga mata pelajaran peringkat menengah rendah iaitu al-Syariah, Usul al-Din dan Al-Lughah al-Arabiah al-Muasirah.

- a) Bekalan guru Dini adalah di bawah tanggungjawab KPM. Norma guru adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.
- b) Dasar waktu mengajar guru seminggu adalah 26 waktu.
- c) Penetapan guru adalah berdasarkan satu guru bagi satu mata pelajaran.
- d) Jika terdapat keadaan di mana Guru Dini tidak dapat dibekalkan sepenuhnya kepada sekolah maka pihak sekolah perlu menguruskan Guru Dini dengan norma sedia ada. Guru-guru Dini boleh terdiri daripada:
 - i. Guru Dini/Azhari LPS yang sedia ada di sekolah dengan keizinan daripada pihak LPS.
 - ii. Guru Pendidikan Islam KPM sedia ada di sekolah yang mempunyai kemahiran dalam mata pelajaran Dini dan berkemampuan dalam mengendalikan PdP menggunakan bahasa Arab.
 - iii. Guru Bahasa Arab KPM sedia ada di sekolah yang mempunyai kemahiran dalam mata pelajaran Dini dan berkemampuan dalam mengendalikan PdP menggunakan bahasa Arab.

Aktiviti Kokurikulum dilaksanakan mengikut dasar pelaksanaan kokurikulum sedia ada KPM. Dua persatuan akademik baharu diwujudkan iaitu Persatuan Usul al-Din dan Persatuan al-Syariah sebagai menggantikan Persatuan Pendidikan Islam di samping meneruskan Persatuan Bahasa Arab.

Kebergantungan Kejayaan Pelaksanaan

Kejayaan pelaksanaan KBD amat bergantung kepada pihak pelaksana di sekolah. Komitmen yang tinggi dan usaha gigih ke arah menjayakan kurikulum baru di bawah kerangka meningkatkan kualiti pendidikan Islam amat ditagih dari semua pihak.

Metedologi Kajian

Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu tinjauan yang bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahasa Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan suatu fenomena tanpa menyatakan mengapa pembolehubah tersebut wujud (Mohd.Majid Konting, 2005: 101-102). Penyelidikan ini dianggap sebagai kajian deskriptif kerana ia bermatlamat tinjauan atau penerokaan bagi menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005 :96- 98 dan Azhar Harun dan Nawi Abdullah).



Instrumen Kajian

Satu set borang soal selidik telah dibina bagi melihat tahap penggunaan bahasa Arab oleh guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini dilakukan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di seluruh Malaysia. Manakala, persampelan adalah proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian (Chua Yan Piaw, 2006:179). Selain itu, persampelan membolehkan maklumat yang diperolehi daripada sebahagian yang lebih besar dan mendapatkan sampel daripada populasi sasaran. Oleh itu, responden kajian bagi kajian ini adalah guru-guru Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Setiap guru Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dipilih sebagai sampel. Bagi instrumen soal selidik, kajian ini melibatkan seramai 354 orang guru Dini di SABK. Pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan berdasarkan kepada pembahagian negeri. Bilangan responden bergantung kepada populasi guru Dini yang terdapat di negeri tersebut. Kaedah yang dipilih adalah menggunakan persampelan rawak sistematis. Hal ini kerana prosedur persampelan ini dimulakan dengan menyenaraikan subjek populasi dengan menggunakan angka dan disusun secara rawak. Kemudian, menentukan nilai gandaan dengan membahagikan jumlah ahli populasi dengan saiz sampel sebenar. Selepas itu, pemilihan responden dilakukan di kawasan-kawasan kajian yang dipilih secara rawak dan kesemua guru Dini di SABK yang terdapat dalam kawasan yang dipilih diambil sebagai subjek.

Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik telah mengemukakan surat keizinan kepada Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menjalankan kajian dalam kalangan guru di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Malaysia. Setelah mendapat surat keizinan tersebut, penyelidik telah memaklumkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh Malaysia. Setelah mendapatkan kelulusan tersebut, penyelidik mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbir sekolah dan menerangkan tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan. Borang soal selidik guru telah diserahkan kepada seorang wakil guru bahasa Arab untuk diagihkan kepada guru bahasa Arab yang lain. Proses pengumpulan data melalui borang soal selidik dilakukan oleh penyelidik sendiri dan dibantu oleh wakil guru bahasa Arab.

Soal selidik

Satu soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Soal selidik adalah satu alat formal yang digunakan bagi memperoleh maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seorang penyelidik. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang. Menurut Majid Konting (1998), borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak, dan sebagainya. Disamping itu, ia juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas atau jawapan yang diberikan oleh subjek tidak dipengaruhi oleh personaliti atau tingkah laku penyelidik. Subjek juga terasa dirinya selamat untuk memberi jawapan yang tepat dan benar terhadap ransangan. Satu jenis soal selidik telah dibina dan



digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini berkaitan penggunaan bahasa Arab dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Malaysia.

Penyelidik telah memilih untuk menggunakan 8 item bagi latar belakang responden dan 24 item berkaitan tahap penggunaan bahasa Arab semasa pdpc.

Penganalisisan Data

Penganalisisan data merupakan proses pengukuran. Berdasarkan pandangan Mohd Majid Konting (2005), pengukuran merupakan proses pemberian nilai dengan nombor kepada cerapan-cerapan supaya nombor-nombor tersebut boleh dianalisis dengan cara manipulasi atau operasi mengikut peraturan tertentu. Dalam kajian ini data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows (Version 22.0)*. Data-data daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus, min sisihan piawai terutama yang berkaitan dengan latarbelakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pembolehubah-pembolehubah kajian.

Kajian Rintis

Soal selidik merupakan instrumen penting kajian ini. Sebagaimana dinyatakan oleh Idris Awang (1989) bahawa metode soal selidik merupakan satu rangkaian soalan yang dibentuk khas dan mempunyai objektif tertentu yang dilaksanakan ke atas orang tertentu pada masa tertentu. Dalam menjalankan kajian ini, satu set borang soal selidik telah dibina. Sebelum menjalankan penyelidikan sebenar, instrumen tersebut telah disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab. Responden dalam kajian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar.

Kajian rintis adalah satu usaha untuk meningkat dan memastikan bahawa instrumen-instrumen yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis yang merupakan sebahagian daripada kajian lapangan bermula pada 24 oktober 2018 sehingga 28 oktober 2018 di SABK terdapat di daerah Hulu Langat dan Sepang.

Dapatan Kajian

Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc

Berikut adalah paparan dapatan kajian dianalisis berdasarkan item-item yang disusun di dalam instrument kajian:

| Bil | Item | Kekerapan & peratus (N=322) | | | | | Min | SP | INT |
|-----|-------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|-------------|---------------|----------------|----------------|------|------|-----|
| | | STS | TS | KS | S | SS | | | |
| CB1 | Saya menggunakan bahasa Arab di semasa pengajaran dan pembelajaran KBD. | 1 (0.3%) | 2 (0.6%) | 61 (17.2%) | 201 (56.6%) | 90 (25.4%) | 4.06 | 0.69 | T |
| CB2 | Saya menggalakkan murid menggunakan bahasa Arab semasa proses PdP. | 1 (0.3%) | 0 (0.0%) | 22 (6.2%) | 208 (58.6%) | 124 (34.9%) | 4.28 | 0.60 | T |
| CB3 | Saya rasa selesa semasa mengajar mata pelajaran KBD menggunakan | 1 (0.3%) | 3 (0.8%) | 64 (18.0%) | 179 (50.4%) | 108 (30.4%) | 4.10 | 0.73 | T |



| | | | | | | | | |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|--------------|----------------|----------------|----------------|------|------|
| | bahasa Arab. | | | | | | | |
| CB4 | Saya menggunakan bahasa Melayu untuk menerangkan konsep yang sukar difahami semasa proses PdP KBD. | 1 (0.3%) | 2 (0.6%) | 29 (8.2%) | 176 (49.6%) | 147 (41.4%) | 4.31 | 0.67 |
| CB5 | Saya menggunakan skrip pengajaran dalam bahasa Arab sepenuhnya semasa PdP. | 5 (1.4%) | 15 (4.2%) | 112 (31.5%) | 149 (42.0%) | 73 (20.6%) | 3.76 | 0.87 |
| CB6 | Saya membetulkan ayat atau sebutan perkatan bahasa Arab murid semasa PdP berlangsung. | 1 (0.3%) | 2 (0.6%) | 13 (3.7%) | 208 (58.6%) | 131 (36.9%) | 4.31 | 0.60 |
| CB7 | Saya megalakkan soal jawab dalam bahasa Arab ketika proses PdP sedang dijalankan. | 0 (0.0%) | 2 (0.6%) | 32 (9.0%) | 203 (57.2%) | 118 (33.2%) | 4.23 | 0.63 |
| CB8 | Saya menjawab pertanyaan murid di dalam bahasa Arab secara spontan semasa PdP berlangsung. | 1 (0.3%) | 3 (0.8%) | 59 (16.6%) | 196 (55.2%) | 96 (27.0%) | 4.08 | 0.70 |
| CB9 | Saya akan mengulang kembali isi pengajaran dalam bahasa Arab jika mendapati murid tidak faham semasa pengajaran saya. | 1 (0.3%) | 5 (1.4%) | 39 (11.0%) | 186 (52.4%) | 124 (34.9%) | 4.20 | 0.71 |
| CB10 | Saya berbincang bersama murid bagi melaksanakan tugasana mata pelajaran KBD menggunakan bahasa Arab semasa PdP dijalankan. | 1 (0.3%) | 5 (1.4%) | 48 (13.5%) | 201 (56.6%) | 100 (28.2%) | 4.11 | 0.70 |
| CB11 | Saya menerangkan tugasana kelas kepada murid dalam bahasa Arab semasa PdP dijalankan. | 2 (0.6%) | 5 (1.4%) | 57 (16.1%) | 200 (56.3%) | 90 (25.4%) | 4.05 | 0.72 |
| CB12 | Saya memberikan maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam buku teks kepada murid semasa PdP dijalankan. | 0 (0.0%) | 1 (0.3%) | 25 (7.0%) | 208 (58.6%) | 120 (33.8%) | 4.26 | 0.60 |
| CB13 | Saya menyebut perkataan Arab dengan betul tanpa dipengaruhi oleh bahasa pertama (bahasa Melayu) semasa PdP dijalankan. | 2 (0.6%) | 5 (1.4%) | 51 (14.4%) | 198 (55.8%) | 98 (27.5%) | 4.09 | 0.72 |
| CB14 | Saya suka mengajar menggunakan bahasa Melayu semasa PdP dijalankan. | 53 (14.9%) | 31 (8.7%) | 91 (25.6%) | 117 (33.0%) | 62 (17.5%) | 3.29 | 1.28 |
| CB15 | Saya menggunakan teknik soal jawab dalam bahasa Arab semasa pengajaran KBD. | 2 (0.6%) | 3 (0.8%) | 37 (10.4%) | 218 (61.4%) | 95 (26.8%) | 4.13 | 0.66 |
| CB16 | Saya menjawab pertanyaan murid | 2 (0.6%) | 2 (0.6%) | 68 (19.2%) | 194 (54.6%) | 89 (25.1%) | 4.03 | 0.72 |



| | | | | | | |
|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|----------------|----------------|------------------------------------------|
| | menggunakan bahasa Arab semasa PdP berlangsung. | | | | | |
| CB17 | Saya menyoal murid mengenai tajuk/topik yang diajarkan dalam bahasa Arab semasa PdP berlangsung. | 0 (0.0%) | 0 (0.0%) | 36 (19.5%) | 217 (30.7%) | 102 (33.0%) |
| CB18 | Saya menggunakan teknik simulasi semasa pengajaran KBD dengan menggunakan bahasa Arab. | 1 (0.3%) | 5 (1.4%) | 66 (18.6%) | 203 (57.2%) | 79 (22.3%) |
| CB19 | Saya menggunakan perkataan baharu semasa pengajaran KBD supaya dapat memperbanyakkan perbendaharaan kata. | 1 (0.3%) | 2 (0.6%) | 48 (13.5%) | 201 (56.6%) | 103 (29.0%) |
| CB20 | Saya tidak menggunakan kaedah terjemahan semasa PdP berlangsung. | 16 (4.5%) | 33 (9.3%) | 126 (35.5%) | 113 (31.8%) | 67 (18.9%) |
| CB21 | Saya menerangkan konsep penting dalam buku teks kepada murid menggunakan bahasa Arab semasa PdP berlangsung. | 2 (0.6%) | 9 (2.5%) | 62 (17.5%) | 208 (58.6%) | 74 (20.8%) |
| CB22 | Saya menjalankan proses PdP dalam kelas (perbincangan/soal jawab/mengkategoris/ perbandingan dll.) menggunakan bahasa Arab. | 0 (0.0%) | 2 (0.6%) | 65 (18.3%) | 208 (58.6%) | 80 (22.5%) |
| CB23 | Saya menerapkan nilai murmi semasa pengajaran KBD menggunakan bahasa Arab | 1 (0.3%) | 4 (1.1%) | 24 (6.8%) | 215 (60.6%) | 111 (31.3%) |
| CB24 | Saya mengadakan perbincangan aktif bersama murid berkaitan sesuatu topik KBD menggunakan bahasa Arab. | 1 (5.6%) | 0 (0.0%) | 52 (14.6%) | 209 (58.9%) | 93 (26.2%) |
| Min keseluruhan Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc | | | | | 4.06 | 0.44 T |

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa nilai min paling tertinggi bagi konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc adalah pada kadar 4.31 bagi item CB4 iaitu "Saya menggunakan bahasa Melayu untuk menerangkan konsep yang sukar difahami semasa proses PdP KBD". 91.0% atau 323 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 9.1% atau 32 responden menyatakan tidak bersetuju.



Seramai 339 responden atau 95.5% bersetuju dengan pernyataan pada item CB6 iaitu “Saya membetulkan ayat atau sebutan perkatan bahasa Arab murid semasa PdP berlangsung”, manakala 16 responden yang lain atau 4.6% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar 4.31 dengan berkongsi kedudukannya sebagai min paling tinggi bersama item CB4 dalam konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc ini.

Nilai min kedua tertinggi pula adalah pada kadar 4.28 untuk item CB2 iaitu “Saya menggalakkan murid menggunakan bahasa Arab semasa proses PdP.”. 93.5% atau 332 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 6.5% atau 32 responden sahaja menyatakan sebaliknya.

328 responden atau 92.4% bersetuju dengan pernyataan pada item CB12 iaitu “Saya memberikan maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam buku teks kepada murid semasa PdP dijalankan”, manakala 26 responden yang lain atau 7.3% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar 4.26 dengan kedudukannya sebagai min ketiga tertinggi dalam konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc.

Bagi kedudukan nilai ke empat tertinggi dalam konstruk ini diraih oleh item CB7 dengan pernyataan “Saya meggalakkan soal jawab dalam bahasa Arab ketika proses PdP sedang dijalankan”. 90.4% atau 321 responden setuju atau sangat setuju dengan pernyataan ini, namun terdapat 34 orang atau kira-kira 9.6% sahaja daripada mereka menyatakan tidak atau kurang setuju dengan pernyataan sedemikian.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa nilai min paling terendah bagi konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc adalah pada kadar 3.29 bagi item CB14 iaitu “Saya suka mengajar menggunakan bahasa Melayu semasa PdP dijalankan”. 50.5% atau 179 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 49.2% atau 175 responden menyatakan tidak bersetuju.

Seramai 180 responden atau 50.7% bersetuju dengan pernyataan pada item CB20 iaitu “Saya tidak menggunakan kaedah terjemahan semasa PdP berlangsung”, manakala 175 responden yang lain atau 49.3% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar 3.53 dengan kedudukannya sebagai min kedua terendah dalam konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc ini.

Nilai min ketiga terendah pula adalah pada kadar 3.76 untuk item CB5 iaitu “Saya menggunakan skrip pengajaran dalam bahasa Arab sepenuhnya semasa PdP”. 62.6% atau 222 responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan tersebut, manakala 37.1% atau 132 responden sahaja menyatakan sebaliknya.

282 responden atau 79.4% bersetuju dengan pernyataan pada item CB21 iaitu “Saya memberikan maklumat tambahan yang tidak terdapat dalam buku teks kepada murid semasa PdP dijalankan Saya menerangkan konsep penting dalam buku teks kepada murid menggunakan bahasa Arab semasa PdP berlangsung”, manakala 73 responden yang lain atau 20.6% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan nilai min pula menunjukkan pada kadar 3.96 dengan kedudukannya sebagai min ke empat terendah dalam konstruk Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa PdPc.



Bagi kedudukan nilai ke lima terendah dalam konstruk ini diraih oleh item CB18 dengan pernyataan "Saya menggunakan teknik simulasi semasa pengajaran KBD dengan menggunakan bahasa Arab". 79.5% atau 282 responden setuju atau sangat setuju dengan pernyataan ini, namun terdapat 72 orang atau kira-kira 20.3% sahaja daripada mereka menyatakan tidak atau kurang setuju dengan pernyataan sedemikian.

Dengan paparan di atas dapatlah dirumuskan bahawa Tahap Penggunaan Bahasa Arab Semasa proses PdPc dijalankan secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan kedudukan nilai min pada kadar 4.06.

Perbincangan dan Rumusan

Penggunaan bahasa Melayu atau bahasa ibunda dalam pengajaran bahasa Arab dan mana-mana bahasa asing lain adalah tidak digalakkan. Sikap terhadap pembelajaran bahasa dikenal pasti mempengaruhi proses pembelajaran. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab pula merangkumi dua aspek iaitu sikap terhadap pengajaran bahasa dan sikap terhadap bahasa Arab. Dari segi kognitif, persepsi pelajar dari segi kesukaran bergantung kepada tahap pengalaman mereka yang terdahulu. Dari segi afektif, rata-rata pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Arab, cuma pelajar yang tiada asas menyatakan rasa tidak selesa dengan keadaan kelas yang mencampurkan antara pelajar yang ada asas dengan yang tiada asas. Dari segi konatif, pelajar menunjukkan ketekalan mereka dalam pembelajaran dan ingin terus mempelajarinya pada masa-masa akan datang. Pendekatan pengajaran bahasa Arab yang digunakan perlu sesuai dengan latar belakang pengalaman pelajar. Pendekatan yang sesuai penting kerana ia mempengaruhi pembentukan sikap pelajar seterusnya memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab.

Diharapkan kajian ini dapat memberikan maklumat dan hasil penyelidikan kepada pihak yang terlibat dengan bidang pendidikan khususnya bahagian pendidikan Islam, sektor pendidikan Islam negeri dan guru bahasa Arab. Terdapat beberapa implikasi kajian yang boleh membantu antaranya ialah:

1. Merangka dan menyelaraskan penggunaan bahan bantu mengajar dalam bahasa Arab untuk pengajaran mata pelajaran Dini.
2. Merangka kursus-kursus jangka pendek dalam meningkatkan kemahiran penggunaan bahasa Arab semasa pengajaran mata pelajaran Dini.
3. Membina program-program latihan kepada guru-guru yang kurang mahir menggunakan bahasa Arab dalam pengajaran mata pelajaran Dini.
4. Menstruktur dan menyelaras kembali pembahagian bidang tugas guru mengikut opysen yang selaras dengan kelayakan akademik masing-masing.

Berikut adalah cadangan kepada beberapa pihak yang mempunyai hubungan dengan implikasi kajian:

Bahagian Pendidikan Islam, KPM



1. Memperkasakan Minggu Bahasa Arab di sekolah-sekolah yang menjalankan Kurikulum Bersepadu Dini.
2. Menyenaraikan laman web yang berkaitan dengan bahasa Arab agar menjadi panduan kepada guru-guru KBD.
3. Dicadangkan agar mengadakan latihan pengajaran bahasa Arab bersama Pakar-Pakar daripada Timur Tengah yang dikendalikan oleh ISESCO-KUIS (ISESCO cawangan Malaysia).

Jabatan Pendidikan Negeri

Dicadangkan agar mengadakan latihan kepada guru-guru KBD berkaitan pembinaan skrip pengajaran dalam bahasa Arab agar dapat dipertingkatkan keberkesanan penyampaian pengajaran.

Sekolah dan Pentadbir

1. Dicadangkan agar pihak pentadbiran sekolah memantau dan mengemaskini jam latihan guru dalam Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) dan menyediakan peluang bacaan buku ilmiah dalam bahasa Arab dikira sebagai jam dalam LADAP.
2. Sebagai galakan kepada guru agar lebih proaktif dicadangkan menyediakan skim insentif kepada guru yang menggunakan bahasa Arab di dalam sekolah.
3. Pemantauan berkala daripada pihak pentadbiran sekolah terhadap pelaksanaan pengajaran KBD dengan menggunakan bahasa Arab serta memastikan peningkatannya daripada semasa ke semasa.

Panitia dan Guru.

1. Dicadangkan untuk menyambungkan pengajian dalam bidang pengajian Islam atau bahasa Arab bagi meningkatkan kualiti dan penguasaan bahasa daripada semasa ke semasa.
2. Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan budaya membaca dan merujuk serta memahami buku yang telah dibaca.
3. Dicadangkan agar guru KBD merujuk buku-buku yang berkaitan bidang bahasa Arab bagi membuat persediaan pengajaran agar ilmu yang disampaikan lebih luas dan mendalam.
4. Dicadangkan agar guru mengikuti kursus-kursus bahasa Arab yang dianjurkan oleh institusi pendidikan.
5. Digalakkan bertutur dalam bahasa Arab bersama rakan sekerja.
6. Digalakkan guru meningkatkan kemahiran komunikasi di dalam bahasa Arab.
7. Dicadangkan agar guru memberikan arahan mudah



Rujukan

- Ahmad Sabri Noh. 2017. Ciri-ciri linguistik dalam Kebolehbacaan buku teks berbahasa Arab dalam Kurikulum Dini. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. 2008. Hubungan Malaysia dan Mesir dalam membangunkan Kurikulum Diniah di Sekolah Agama Rakyat: Suatu kajian perkembangan dan cabaran di Kelantan. *Seminar Kebangsaan "Malaysia-West Asia Relations: Prospect & Challenges"*, UKM, Bangi.
- Fry, E. 2002. Readability versus leveling. *The Reading Teacher* 56 (3): 286-291.
- Hamilton, C. & Shinn, M. 2003. Characteristics of word callers: An investigation of the accuracy of teachers' judgments of reading comprehension and oral reading skills. *School Psychology Review* 32: 228-240.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2010. Kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, Hanis Najwa Shaharuddin (2014). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam Kurikulum Bucuth al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39 (1): 51-61.
- Sperling, R. 2006. Assessing reading materials for students who are learning disabled. *Intervention in School and Clinic* 41:138-143.
- Zulazhan Ab. Halim. 2012. Kebolehbacaan buku teks Balāghah Sijil Tinggi Agama Malaysia di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.